

AHAD | 29 Mei 2022 | 28 Syawal 1443H

**NURA VALENTIANA LORNA,
JACINTHA JOLENE**
suarasarawak.news@gmail.com

KUCHING: Bidang kewartawanan lebih daripada sekadar bercerita dalam memastikan mesej dapat disampaikan berkesan.

Wartawan veteran Toman Mamora berkongsi pandangannya berkaitan cara dan kualiti yang perlu untuk menjadi wartawan yang baik.

Keperluan paling asas bagi seorang wartawan merupakan semangat dan keterujaan, katanya.

"Individu tersebut mesti berminat untuk menulis. Walaupun dia tidak mempunyai bakat untuk berkata-kata, ia boleh dipupuk dan dikembangkan dalam satu tempoh.

"Apa yang paling utama, mesti ada minat. Sekiranya tidak gemar menulis, tidak kira berapa banyak maklumat yang mampu diperoleh dan diserap, sukar wartawan menyampaikan mesej betul," tambahnya.



TOMAN MAMORA

"Apabila adanya minat dalam bidang penulisan, ia dapat mengembangkan bakat seseorang untuk bermain dengan kata-kata," katanya.

Toman turut menekankan kualiti utama yang perlu ada pada setiap wartawan merupakan minat dan bersifat terbuka.

Sentiasa rasa teruja

Seseorang itu mesti bersedia untuk berinteraksi dengan orang yang tidak dikenalnya.

Jelasnya, seorang wartawan baik mesti mampu berkomunikasi dengan orang ramai sama ada melalui panggilan telefon atau bersemuka.

"Berbaik-baiklah dengan mereka. Jika tidak, ia akan menjadi sangat sukar untuk mendapatkan cerita, mengembangkan sudut berita dan lain-lain

"Lebih sukar jika seseorang itu bersikap pemalu dan sentiasa menunggu pihak ketiga untuk berkongsi cerita untuk digunakan semula. Ia tidak seharusnya begitu," katanya.

Beliau menegaskan bahawa seseorang itu mesti berusaha untuk menjadikan berita tersebut miliknya sendiri tanpa mengambil

cerita orang lain.

Mengulas lanjut, seorang wartawan akan selamanya menjadi seorang pelajar kerana sudah menjadi kerjanya untuk memproses berita setiap hari.

"Setiap kali wartawan terlibat dalam pengumpulan maklumat dan menterjemahkannya ke dalam bentuk berita, ia akan menjadi satu pembelajaran.

"Akan muncul soalan yang tidak pernah dijangka bagi melengkapkan berita yang sedang ditulis.

"Melalui proses tersebut, soalan tersebut akan terjawab. Itulah proses pembelajarannya," ujarnya.

Dalam era teknologi maklumat (IT), semuanya boleh dilakukan dengan pantas. Seseorang itu tidak perlu pergi ke pejabat untuk menghantar beritanya.

"Kini, ia boleh dimuat naik bila-bila masa sahaja tanpa mengira tempat dan dapat dihantar pada kadar segera. Ini semua melalui proses pembelajaran.

"Maksud saya, mereka menghantar cerita yang bersih. Sangat sedikit yang dilakukan untuk penyuntingan," ujarnya.

Toman yang kini menjadi Perunding Komunikasi dan Penyelidikan turut berkongsi bagaimana akhbar Australia melatih wartawan mereka untuk menulis cerita bagus.

"Kita juga sepatutnya begitu. Bantu wartawan muda dan latih mereka sedemikian rupa sehingga mereka menjadi penulis yang lebih baik.

"Wartawan muda harus dibimbing agar mereka mampu menulis cerita seolah-olah ia sudah disunting," katanya.

Pegang prinsip berita sahih

KUCHING: Kerjaya kewartawanan masih relevan untuk diceburi pada masa ini walaupun teknologi komunikasi memberikan kesan kepada media cetak.

Pengarah Penerbit Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) Malia Taibi berkata, ini kerana penyampaian berita sahih sangat diperlukan dalam kalangan masyarakat di zaman ini.

"Disebabkan itu, walaupun teknologi komunikasi memberi kesan kepada media cetak, saya percaya kerjaya kewartawanan masih relevan pada masa kini.

"Untuk menjadi wartawan sama ada wartawan portal berita dalam talian, media cetak atau media elektronik, prinsip asas kewartawan, penulisan berita dan etika perlu ada dalam setiap pengamal media bagi memastikan berita yang ditulis tepat dan mempunyai kredibiliti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi *Suara Sarawak* untuk mendapatkan pandangan tentang kerjaya kewartawanan sempena sambutan Hari Wartawan Nasional 2022, semalam.

Sehubungan itu, beliau menambah dalam era ini wartawan muda mesti mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran teknologi digital untuk memberi nilai tambah kepada profesion mereka.

"Persaingan untuk mendapatkan peluang pekerjaan memang sengit, jadi mereka yang mempunyai kelebihan dalam kemahiran penggunaan teknologi digital akan sentiasa mempunyai peluang yang lebih cerah," ujarnya.

Dalam hal berkaitan, beliau menegaskan dari segi kemahiran menulis khususnya wartawan media cetak perkara tersebut juga akan membuka peluang yang lebih luas kepada mereka untuk menceburi



MALIA TAIBI

kerjaya selain daripada bidang kewartawanan.

"Kemahiran menulis bukan sahaja diperlukan untuk menjadi wartawan tetapi perlu ada bagi mereka yang berminat untuk bekerja sebagai "content writer" untuk media sosial, penulis teks ucapan, pengamal perhubungan awam ataupun mana-mana kerjaya yang memerlukan kemahiran menulis," jelasnya.

Dalam pada itu, Malia juga mendedahkan bahawa sebelum menjadi pnsyarah beliau juga pernah bertugas sebagai pengamal media lebih 13 tahun.

"Perkara tersebut telah memberikan pengalaman yang amat berharga terutama sekali apabila saya bertukar kerjaya sebagai ahli akademik. Segala pengalaman di dalam bilik berita dicurahkan semula kepada pelajar.

"Ia memberi kelebihan kepada saya untuk mengaplikasikan teori dan praktis di dalam bilik kuliah bagi membantu pelajar memahami subjek kewartawanan, penulisan berita dan akhirnya melahirkan bakal wartawan yang berkualiti," katanya.



KR. YII SOUK MING



MADELINE JAWAI STEPHEN



WATT ZACCHAEUS

Kerjaya yang sangat istimewa

DANNY WONG

suarasarawak.news@gmail.com

SIBU: Pengerusi Persatuan Wartawan Sibu (SJA) Kr. Yii Souk Ming menzahirkan penghargaan kerana mengiktiraf 29 Mei sebagai Hari Wartawan Nasional.

Menurutnya, pengiktirafan wajar tersebut juga menunjukkan kerajaan mengiktiraf sumbangan wartawan kepada negara ini.

"Saya yakin 29 Mei ini akan menjadi sambutan yang bermakna kepada semua wartawan di negara ini.

"Peranan wartawan sentiasa berkembang, dan ia harus berkembang mengikut perubahan semasa. Dengan itu, saya fikir cabaran terbesar adalah media sosial.

"Media sosial menjadi pengubah permainan tetapi pada masa yang sama, media sosial adalah jalan ke hadapan. Ia mengubah cara kita melakukan pekerjaan dan menulis berita," katanya.

Manakala Ahli Majlis Perbandaran Sibu Souk Ming berkata, jika wartawan tidak menerima media sosial atau enggan menerima teknologi, mereka akan menjadi tidak

relevan suatu hari nanti, malah tidak relevan buat waktu ini.

"Wartawan bukan lagi satu-satunya penyedia berita kerana media sosial. Selalunya netizen akan tahu terlebih dahulu sebelum wartawan tahu.

Menjelas lanjut beliau menambah, cabaran lain wartawan adalah membawa nilai kepada masyarakat kita, terutamanya menerusi media arus perdana.

"Bagi wartawan di Sibu - sentiasa meningkatkan kemahiran supaya terus berdaya saing. Saya juga berharap kerajaan akan terus menyokong kami dalam aktiviti kami," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi SJA Madeline Jawai Stephen menegaskan, media berhadapan cabaran besar terutama dalam menyampaikan maklumat bagi menarik minat pembaca dan penonton mengikut perkembangan semasa.

Jelasnya, kerjaya wartawan memerlukan jawatan untuk sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan dari semasa ke semasa lebih-lebih lagi dalam menghadapi peredaran perubahan teknologi.

"Dari segi perubahan teknologi, ia

memerlukan wartawan serba boleh secara bertulis, rakaman visual, penyuntingan dan penggunaan media sosial termasuk secara langsung di Facebook jika ada berita terkini.

"Ketulenan sesuatu berita perlu sentiasa menjadi asas utama dalam penulisan, etika kewartawanan perlu ada dalam apa jua keadaan, laporan yang berwibawa dan seimbang," katanya.

Madeline memberitahu, kepelbagaian maklumat di Internet memerlukan wartawan untuk mengajak orang ramai menilai kesahihan berita tersebut.

"Peranan wartawan dan pengamal media perlu mendapat pengiktirafan dan sentiasa dihargai dalam memacu pembangunan negara dan membentuk masyarakat berilmu.

Bagi ahli jawatankuasanya Watt Zacchaeus, beliau berharap Hari Wartawan kali ini dapat mengenal pasti siapa wartawan, peranan dan sumbangan mereka.

"Wartawan asatu pekerjaan yang sangat istimewa. Tunjukkan kepada umum bahawa pekerjaan ini seperti pekerjaan lain dalam kelas profesional," katanya.